

Penyingkapan Semula Ilmu-Ilmu Islam dalam Masyarakat Kontemporari

Syed Hadzrullathfi Syed Omar

Para intelektual ulama Islam silam memainkan peranan penting dalam menyebarkan luas pelbagai disiplin ilmu pengajian Islam untuk dimanfaatkan oleh umat manusia keseluruhannya. Namun begitu, komitmen mereka yang menyeluruh dalam pelbagai bidang ilmu tersebut bukan bermakna tiada lagi sumbangan baru untuk diketengahkan dalam bidang pengajian Islam, sehingga seseorang perlu akur dengan ungkapan mendakwa 'orang dahulu tidak meninggalkan sedikit perkara pun untuk diterokai oleh orang kemudian'. Malah sebaliknya, sikap yang ditonjolkan mereka itu menunjukkan perlu wujud satu kumpulan ilmuan dan pengkaji dalam setiap generasi yang menjadi penerus kepada perjuangan mereka bagi menyingkap semula pelbagai ilmu yang menjadi milik setiap mukmin. Hal ini dinyatakan oleh sabda Nabi s.a.w. bermaksud 'hikmat itu adalah seumpama barang hilang milik setiap mukmin. Di mana sahaja dia menjumpainya, ia menjadi miliknya'. Istilah hikmat dalam konteks kontemporari boleh diinterpretasikan sebagai penemuan baru atau penambahbaikan hasil daripada kajian dan penelitian dilakukan oleh para ulama Islam dan pengkaji sejak dahulu hingga kini.

Berdasarkan hadith tersebut, pelbagai penemuan dan ilmu Islam warisan ulama silam masih signifikan untuk diterokai para pengkaji dalam masyarakat kontemporari ini. Walau bagaimanapun, proses penyingkapan dan pengolahan semula ilmu-ilmu tersebut dalam konteks semasa perlu dilaksanakan supaya boleh diaplikasi sesuai dengan kehendak dan tuntutan kehidupan masa ini. Sehubungan dengan itu, Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Keluaran Khas 2011 ini, mengaplikasi hasrat tersebut dengan memuatkan beberapa kajian ilmiah memfokuskan pelbagai aspek penting yang diperlukan oleh masyarakat Islam. Ia merangkumi aspek pemurnian jiwa, pendidikan masyarakat, pengukuhan institusi kekeluargaan, ekonomi dan juga memahami manuskrip Islam warisan.

Seperti yang ditunjukkan dalam makalah berkaitan konflik antara hak wali mujbir dan peruntukan had umur minimum perkahwinan, Syarifah Noorul Madiah Syed Husin mengolah semula kekeliruan masyarakat kini berkaitan isu hak wali bapa atau datuk (wali mujbir) mengahwinkan anak gadis bawah umur minimum 16 tahun yang bertentangan dengan Enakmen Keluarga Islam di Malaysia. Menurut penelitian penulis, kewajaran para wali mujbir berbuat demikian adalah tertakluk kepada sekurang-kurangnya tiga syarat yang perlu dipenuhi untuk melayakkan mereka mengahwini anak gadis tanpa keizinan empunya diri. Penulis merumuskan bahawa peruntukan had umur minimum perkahwinan yang telah ditetapkan dalam Enakmen Keluarga Islam sememangnya bertepatan dengan hukum syarak. Ini kerana ketetapan sedemikian tidak lebih daripada sebagai suatu syarat tambahan yang diijtihadkan oleh para fuqaha' kontemporari bagi memastikan kepentingan anak gadis terpelihara, sebagaimana para ulama silam berjihad menetapkan pelbagai prasyarat kepada wali mujbir bagi melayakkan mereka menikahkan anak gadis tanpa izinnya.

Turut membincangkan aspek institusi kekeluargaan Islam berkaitan penentuan nasab dalam Enakmen Keluarga Islam di Malaysia ialah Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda yang menyifatkan suatu keperluan mendesak penggunaan *Deoxyribonucleic acid* (DNA) oleh Mahkamah Syariah sebagai satu mekanisme alternatif yang konkrit dan tepat bagi menentukan hubungan biologi antara seseorang anak dengan ibu bapanya. Tanpa

menafikan keutuhan doktrin *al-Walad li al-Firash* yang telah disepakati para fuqaha' dalam isu penentuan nasab tersebut, penulis dalam makalahnya merumuskan bahawa doktrin berkaitan merupakan salah satu kaedah semasa diajar oleh Rasulullah s.a.w. yang mampu diaplikasi oleh para sahabat pada zaman mereka. Ajaran tersebut juga boleh diintrepetasi, sekiranya kaedah DNA masa ini dapat membuktikan keabsahan serta ketepatan penentuan nasab seseorang dengan induknya, maka ia menjadi satu mekanisme yang mesti diperuntukkan dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Hal demikian kerana penggunaan DNA mampu memelihara ketinggian kedudukan nasab yang diiktiraf oleh Islam.

Satu lagi isu menarik berkaitan institusi kekeluargaan Islam ialah masalah kelemahan Enakmen Keluarga Islam di Malaysia dalam menangani keperluan pengambilan anak angkat bagi orang Islam, apatah lagi Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952. Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali dalam wacana kritis beliau tentang isu tersebut telah mengenal pasti bahawa enakmen yang diperuntukkan belum mampu menampung keperluan pengangkatan anak khususnya bagi individu beragama Islam. Kekurangan yang dimaksudkan adalah dari sudut panduan tatacara lengkap pengangkatan serta hukum-hakam berkaitan dengannya menurut Islam dan bukan hanya tertumpu aspek nafkah sahaja, sebagaimana yang banyak dinyatakan dalam kedua-dua enakmen tersebut. Ketegasan penulis dalam merumuskan keperluan mewujudkan satu enakmen khusus memenuhi keperluan pengangkatan bagi masyarakat Islam, adalah suatu perkara signifikan untuk diberi keutamaan. Hal demikian kerana kajian statistik menunjukkan bahawa orang Islam terdiri daripada majoriti permohonan pengangkatan anak di Malaysia.

Beralih kepada aspek pengurusan ekonomi Islam, makalah tulisan Ahmad Faizol Ismail melakukan suatu perbandingan antara konsep *hisbah* dan Majlis Penasihat Syariah Perbankan Islam. Penelitian penulis mendapati bahawa hisbah yang merupakan badan pelaksana berautoriti menjalankan fungsi menyuruh kebaikan dan menegah kemungkarannya untuk ditegakkan dalam masyarakat Islam, adalah sinonim dengan Majlis Penasihat Syariah Perbankan Islam dalam masyarakat kontemporari ini bagi meneruskan kelangsungan kegiatan ekonomi khususnya, agar ia selaras dengan tuntutan syarak. Justeru, badan tersebut disifatkan penulis sebagai suatu interpretasi bentuk baru bagi konsep hisbah yang pernah diperkenalkan oleh para fuqaha' silam.

Makalah oleh Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Nor Salimah Abu Mansor dan Zulkifli A. Manaf mengetengahkan aspek pendidikan masyarakat kontemporari, dengan berusaha menerapkan metode pengajaran dan pembelajaran Rasulullah s.a.w. dalam pengajian al-Quran dewasa di salah sebuah masjid sampel di Malaysia kini. Penulis telah mengenal pasti bahawa bentuk pengajaran dan pembelajaran Rasulullah s.a.w. adalah berpaksikan sembilan metode yang melangkaui elemen-elemen andragogi para sarjana pendidikan pasca moden. Walau bagaimanapun, penulis dalam kajian beliau dilihat mampu mengemukakan satu model bersifat kecukupcukupan untuk diaplikasi kepada golongan dewasa yang mengikuti program pengajian al-Quran dewasa di lokasi masjid tersebut. Pun begitu, kejayaan model dimaksudkan adalah bergantung kepada sejauh mana kejayaan pelaksanaan metode pengajaran dan pembelajaran yang dibina itu boleh dicapai.

Turut membicarakan isu masjid ialah Siti Fatimah Salleh dalam makalah beliau berkaitan aktiviti ibadah muslimah di masjid yang dianggap masih mengaburi kefahaman sesetengah komuniti muslimah dewasa ini. Keterikatan golongan muslimah dengan beberapa hukum-hakam khususnya berkaitan dengan masjid, mendorong penulis mengetengahkan suatu kajian analisis dokumen lengkap tentang pelbagai etika pelaksanaan aktiviti dan ibadah di masjid. Rumusan dicapai oleh penulis ternyata menunjukkan bahawa para ulama dan sarjana Islam sekata memutuskan muslimah yang tidak suci daripada hadas besar tidak diizinkan syarak berada di dalam masjid. Namun, fleksibiliti keputusan muktamad itu dilihat terserlah apabila didapati kaum muslimah juga masih dibenarkan berada di dalamnya khususnya pada situasi darurat.

Berbalik kepada aspek kajian manuskrip Islam warisan, Hasanulddin Mohd cuba menelusuri konsep *al-tauful* (optimis) dan penggunaannya dalam pelbagai manuskrip fekah ulama silam. Sementara Jamaluddin Hashim turut menyumbang makalahnya dalam bidang sama yang menumpukan kajian terhadap beberapa isu fekah tidak muktamad dalam salah satu manuskrip fekah pertama dalam Bahasa Melayu di Nusantara ini. Bermula dengan makalah Hasanulddin, beliau membuktikan bahawa sikap optimis sama ada dari segi perasaan, niat, tingkah laku dan setiap gerak kerja dilakukan oleh seseorang mempunyai sumber yang kukuh daripada sunnah Rasulullah s.a.w., di samping sikap sedemikian mendapat tempat dalam pelbagai manuskrip fekah ulama Islam lepas. Maka itu, selama mana sikap atau perasaan optimis terhadap sesuatu perkara tidak melanggar asas disepakati syarak, tiada sebarang halangan kepada seseorang untuk melakukan perkara tersebut. Pun begitu, penulis menegaskan bahawa pendekatan *al-tauful* dimaksudkan itu tidak sama sekali boleh dianggap sebagai suatu sumber berautoriti dalam menentukan fadilat atau hukum perbuatan tersebut.

Manakala makalah Jamaluddin pula, isu-isu fekah tidak muktamad dalam manuskrip kajiannya menimbulkan tanda tanya mengapa satu karya ulung yang disorot sumbernya daripada pelbagai kitab fekah berbahasa Arab muktamad, memuatkan pandangan tidak muktamad dalam sesetengah isu fekah. Kepekaan dan ketelitian penulis mampu membongkar jawapan konkrit terhadap persoalan yang ditimbulkan dengan merumuskan bahawa Shaykh Nur al-Din al-Raniri sebagai pengarang Kitab *al-Sirat al-Mustaqim*, adalah seorang ulama yang mampu berjihad dalam skop Mazhab Shafi'e. Beberapa hukum isu diketengahkan dalam karya tersebut bersesuaian dengan situasi dan permasalahan semasa pada masa hidup beliau.

Jurnal ini turut memuatkan dua makalah lain, pertamanya menyentuh isu pentafsiran al-Quran yang masih kabur dalam sesetengah kefahaman individu muslim dan kedua pula adalah isu kesufian. Makalah Syed Mohd Hafiz Syed Omar cuba menyelami makna *al-maskh* yang pernah dinyatakan dalam beberapa ayat al-Quran. Al-maskh disimpulkan oleh penulis membawa makna perbuatan Allah menukar tubuh badan kaum Yahudi yang mengingkari suruhan Allah, menjadi binatang seperti khinzir dan seumpamanya. Ayat al-Quran yang menjelaskan tentang balasan tersebut adalah suatu perkara benar-benar berlaku ke atas mereka dan bukan difahami secara simbolik. Walau bagaimanapun, penelitian penulis membuktikan bahawa tidak menjadi suatu kehairanan jika dikatakan, konsep al-maskh masih boleh berlaku pada masa ini, biarpun tiada seorang didapati bertukar menjelma menjadi binatang. Hal tersebut kerana keadaan seorang yang sentiasa bergelumang dengan nafsu syahwat, berubah sifat dirinya daripada baik kepada pelbagai sifat buruk Yahudi yang menyebabkannya semakin jauh daripada kebenaran dan rahmat Allah juga terangkum dalam erti kata al-maskh.

Manakala makalah kedua dimaksudkan ialah tulisan Syed Hadzrullathfi Syed Omar yang berusaha menjelaskan suatu dimensi baru berkaitan amalan *rabitah* ditonjolkan oleh tokoh sufi kontemporari kini, iaitu Tuan guru Haji Jahid Haji Sidek. Dimensi baru dimaksudkan ialah *rabitah* mengandungi suatu makna sinonim dengan ayat Allah, iaitu tanda-tanda kewujudan dan kebesaran Allah, manakala makna *rabitah* biasa difahami oleh tokoh sufi silam adalah sebagai perasaan kasih sayang seseorang terhadap pendidiknya yang menjadikannya boleh mencapai tahap mengenal Allah dengan cara sebaik-baiknya. Justeru, tokoh kajian merumuskan amalan *rabitah* menjadi suatu kemestian sama seperti kewajipan melakukan pemerhatian terhadap tanda-tanda kewujudan Allah sebagaimana disarankan dalam al-Quran. Dalam hal ini, penulis melakukan satu analisis perbandingan antara kewajipan konsep *rabitah* yang difahami oleh tokoh tersebut, dengan kewajipan konsep nazar yang pernah diketengahkan oleh sesetengah ulama' akidah. Rumusan penting penulis mendapati kewajipan melakukan *rabitah* dan nazar adalah sama dari aspek setiap satu daripada kedua-duanya merupakan satu cara utama bagi membolehkan proses mengenal Allah tercapai dengan cara sebaik-baiknya.

Keseluruhan himpunan makalah dimuatkan dalam Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Keluaran Khas 2011 ini, masing-masing menampakkan sumbangannya dalam menyambung rantai keilmuan Islam sebagai kesinambungan kepada usaha para ulama dan sarjana lepas. Makalah-makalah berkenaan paling kurang mampu menampung sebahagian daripada lompong kajian akademik kontemporari yang masih memerlukan kepada penerusnya bagi menyingkap semula ilmu-ilmu Islam dalam masyarakat kontemporari kini. Menangani isu-isu seperti perkahwinan anak gadis bawah umur, penentuan makanisme yang konkrit dalam mensabitkan hubungan anak dengan ibu bapanya dan juga memperuntukkan enakmen pengangkatan yang lengkap memenuhi tuntutan Islam, kesemuanya itu merupakan agenda penting masa ini yang perlu diberi perhatian, bagi memastikan keharmonian perkembangan institusi keluarga yang menjadi aset utama dalam membina masyarakat berkeperibadian tinggi. Tidak kurang juga isu-isu dari aspek pendidikan seperti pembedaan model pengajaran dan pembelajaran pengajian al-Quran dewasa, pelaksanaan aktiviti pendidikan muslimah di masjid dan kajian tentang aspek pengurusan ekonomi Islam seperti kajian pelaksanaan Majlis Penasihat Syariah Perbankan Islam, aspek-aspek tersebut bukan boleh dianggap suatu perkara sampingan. Begitu juga halnya dengan aspek penerokaan manuskrip warisan ulama Islam seperti ditonjolkan oleh dua makalah berkaitan kajian isu-isu fekah dalam pelbagai manuskrip karya para fuqaha' Islam adalah sebagai langkah pertama yang perlu dilalui oleh setiap sarjana muslim. Hal sedemikian penting kerana penerokaan seumpama itu mampu mencungkil pelbagai kerangka teori para ulama' silam dalam pelbagai aspek keilmuan Islam untuk dijadikan asas bagi meneroka pelbagai dapatan baru yang boleh dimanfaatkan dalam era moden ini. Akhir sekali aspek kerohanian yang dikaji oleh salah satu makalah dalam jurnal ini adalah matlamat kemuncak yang ingin dicapai oleh semua bentuk kajian dalam bidang keilmuan Islam. Fakta ini berasaskan semua ilmu yang dipelajari, diterokai, dikaji, dibina, disusun dan disempurnakan adalah untuk mencapai matlamat mengenali dan menghambakan diri kepada Allah sebagai pemilik segala ilmu tersebut. Oleh itu, sekiranya sesuatu bidang keilmuan yang tidak dikaitkan kesudahannya dengan matlamat mengenal Allah, maka sudah pasti ia tidak mengandungi sebarang erti di sisi Allah menurut perspektif Islam. Justeru, kajian aspek kerohanian seperti isu berkaitan mengenal Allah adalah merupakan satu aspek yang perlu diberi penekanan, seperti yang difokuskan oleh Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Keluaran Khas 2011 ini.